

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

BENGKEL PELAPORAN PROJEK KOMUNITI, PENCAPAIAN BINTANG DAN INOVASI DALAM SISTEM PRIME

Penulis: Agnes Kanyan, Noor Emma Shamsuddin, Dr. Sharifah Raina Manaf, dan Ts. Dr. Mohamed Izwan Ismail

Pada 23 Mei 2025, Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) serta Pusat Perniagaan Inovasi dan Pengkomersilan Teknologi (BITCOM), UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah, telah berjaya menganjurkan Bengkel Pelaporan Projek Komuniti, Pencapaian Bintang dan Inovasi dalam Sistem PRIME. Bengkel ini disertai oleh pensyarah UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah.

Tujuan bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai proses dan kepentingan pelaporan projek komuniti melalui sistem dalaman UiTM, PRIME, serta membimbing mereka secara praktikal dalam penyediaan laporan projek melalui PRIME Star Rating.

Selain itu, bengkel ini turut memperkenalkan konsep inovasi dan pengkomersialan hasil penyelidikan akademik. Para peserta juga diberi penerangan berkenaan tatacara pengisian borang pendaftaran inovasi dan pengkomersialan melalui sistem PRIME.

Bengkel ini dijalankan dalam dua sesi yang merangkumi empat slot. Sesi pagi dimulakan dengan slot pertama, iaitu ceramah oleh Ts. Dr. Mohamad Izwan bin Ismail, Penyelaras RMU UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah mengenai inovasi dan pengkomersialan hasil penyelidikan akademik.



Bersama peserta bengkel



Poster hebahan Bengkel PRIME

Slot kedua diteruskan dengan pembentangan oleh Dr. Sharifah Raina binti Manaf, Penyelaras BITCOM Kampus Mukah, yang menjelaskan tatacara pengisian borang pendaftaran hak cipta dalam sistem PRIME. Slot ketiga pula disampaikan oleh penceramah jemputan khas, Puan Lenny Yusrina Binti Bujang Khedif, Penyelaras Jaringan Komuniti UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan, yang berkongsi tentang penyediaan laporan projek komuniti melalui sistem PRIME.

Sesi petang diteruskan dengan slot keempat, iaitu sesi praktikal (*hands-on*) yang turut dikendalikan oleh Puan Lenny Yusrina. Dalam sesi ini, para peserta menerima bimbingan secara langsung dalam penyediaan laporan projek komuniti menggunakan sistem PRIME Star Rating.

Adalah diharapkan melalui penganjuran bengkel ini, para pensyarah akan lebih proaktif melibatkan diri dalam projek komuniti, inovasi dan pengkomersialan, sekali gus menyumbang kepada pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) universiti. Selain itu, dengan bimbingan yang diberikan semasa bengkel, para pensyarah akan lebih mahir menggunakan sistem PRIME untuk membuat laporan projek komuniti dan inovasi.